

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Selasa, 25 Jun 2024**



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA
BAGI PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA
INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN
APRIL 2024**

**Indeks Pelopor mencatatkan 4.3 peratus pada April 2024,
menandakan bahawa ekonomi Malaysia dijangka mengalami pertumbuhan
berterusan dalam tempoh terdekat**

PUTRAJAYA, 25 Jun 2024 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **Penunjuk Ekonomi Malaysia: Indeks Pelopor, Serentak & Susulan bagi April 2024**. Indeks Pelopor (IP) memberi petunjuk awal tentang titik perubahan yang ketara dalam kitaran perniagaan dan arah tuju ekonomi bagi tempoh terdekat.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Indeks Pelopor Malaysia terus meningkat 4.3 peratus pada April 2024, mencapai 113.1 mata berbanding 108.4 mata pada tahun sebelumnya (**Paparan I**). Kenaikan untuk bulan kelima berturut-turut menunjukkan bahawa ekonomi kekal berada dalam momentum pertumbuhan. Peningkatan ini dapat dilihat dalam semua komponen kecuali Import Benar Semi Konduktor (-1.5%). Selepas penurunan marginal sebanyak 0.5 peratus pada Mac 2024, perubahan bulanan IP meningkat semula sebanyak 0.8 peratus pada April 2024. Pertumbuhan ini disumbangkan oleh peningkatan dalam Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan (0.8%), Import Benar Semi Konduktor (0.2%) dan Bilangan Syarikat Baru Didaftarkan (0.2%)".

Melihat kepada trend jangka panjang terlicin pada April 2024, IP kekal berada di atas 100.0 mata (**Paparan II**), menggambarkan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dalam bulan-bulan mendatang disokong oleh permintaan domestik yang kukuh dan pengembangan yang mampan bagi sektor Pembuatan dan Perkhidmatan.

Indeks Serentak (IS) yang mengukur prestasi keseluruhan ekonomi semasa, meningkat sebanyak 3.0 peratus pada April 2024, mencapai 125.4 mata berbanding 121.7 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan berterusan dua angka dalam Nilai Caruman Benar, KWSP (34.1%) merupakan penyumbang utama kepada kenaikan ini. Merujuk kepada prestasi bulanan, IS juga meningkat sebanyak 0.3 peratus disokong terutamanya oleh peningkatan Jumlah Guna Tenaga dalam Pembuatan (0.2%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian”.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
25 JUN 2024**








Paparan I: Indeks Komposit Pelopor



Paparan II: Indeks Komposit Pelopor (Arah Aliran Jangka Panjang = 100) dan Kitaran Perniagaan



Paparan III: Perubahan Tahunan Bagi Komponen Dalam Indeks Pelopor



Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hours, Tuesday, June 25, 2024**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIAN ECONOMIC INDICATORS
LEADING, COINCIDENT & LAGGING INDEXES
APRIL 2024**

Leading Index registered 4.3 per cent in April 2024, signalling that Malaysia's economy is poised for continued growth in the near term

PUTRAJAYA, June 25, 2024 - Today, the Department of Statistics Malaysia released the **Malaysian Economic Indicators: Leading, Coincident & Lagging Indexes for April 2024**. The Leading Index (LI) provides an early indication of significant turning points in the business cycle and the direction of the economy in the near term.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The Leading Index for Malaysia continued to increase 4.3 per cent in April 2024, achieving 113.1 points as against 108.4 points in the previous year (**Exhibit I**). The fifth consecutive month of increases suggesting that the economy remained in a growing momentum. Improvements were observed in all components except for Real Imports of Semi Conductors (-1.5%). After a marginal decline of 0.5 per cent in March 2024, the monthly change of LI bounced back by 0.8 per cent in April 2024. This turnaround was contributed by the rising Number of Housing Units Approved (0.8%), Real Imports of Semi Conductors (0.2%) and the Number of New Companies Registered (0.2%)".

Looking at the smoothed long-term trend in April 2024, the LI remained above the 100.0 points (**Exhibit II**), reflecting continued economic growth in the coming months supported by a robust domestic demand and a sustainable expansion of the Manufacturing and Services sectors.

The Coincident Index (CI) which measures the overall current economic performance, rose by 3.0 per cent in April 2024, reaching 125.4 points as compared to 121.7 points in

the same month of the previous year. The continued double-digit increase in the Real Contributions, EPF (34.1%) was the main contributor to this rise. Referring to the monthly performance, the CI also increased by 0.3 per cent primarily backed by the increase in the Total Employment in Manufacturing (0.2%).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development”.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
JUNE 25, 2024**

Exhibit I: Leading Composite Index




Exhibit II: Leading Composite Index (Long Term Trend = 100) and Business Cycle




Exhibit III: Annual Changes of Leading Index Components

